

27/09/1998

Benarkan mahkamah adili Anwar: PM (HL)

Zamzam Omar; Zainudin Isa

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya membenarkan mahkamah membuat pengadiln terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri itu dalam keadaan tenteram tanpa sebarang tekanan.

"Lepas itu, kalau dia didapati tidak bersalah, jangan khuatir, sokonglah (Anwar) secara terbuka.

"Saya ingin nasihatkan mereka supaya membenarkan mahkamah menentukan benar atau tidak apa yang dituduh terhadap Anwar. Jangan ganggu perjalanan undang-undang negara, kalau kita ganggu hakim, hakim tidak dapat jalankan keadilan," katanya.

Bercakap dalam sidang akhbar yang dihadiri media tempatan di kediaman rasminya, Sri Perdana, di sini, semalam, Perdana Menteri berkata, walaupun Anwar sepatutnya dihadapkan ke mahkamah awal minggu ini, tetapi ditangguhkan bagi mengelakkan rusuhan lebih besar yang mungkin menyebabkan kecederaan kepada orang awam.

Menurutnya, kerajaan mengetahui Anwar sudah mengarahkan pengikutnya mengadakan demonstrasi dan kekacauan yang boleh mengganggu perjalanan mahkamah.

"Kerajaan sebenarnya memang mahu menghadapkan Anwar ke mahkamah. Bagaimanapun, pengikutnya akan bertindak bagi menyekat Anwar ke mahkamah dengan melakukan rusuhan," katanya.

Beliau bimbang dalam kekecohan polis untuk meleraikan rusuhan itu nanti, akan ada orang awam yang cedera dan keadaan itu seterusnya digunakan media asing bagi menunjukkan tindakan buruk polis Malaysia pada mata dunia.

Dr Mahathir berkata, beliau perlu memberikan penjelasan kepada umum mengapa sehingga sekarang Anwar tidak dihadapkan ke mahkamah, walaupun tuduhan terhadapnya sudah disebut beberapa kali.

Menurutnya, dengan pendedahan rusuhan itu oleh media asing, Anwar akan menerima lebih banyak simpati daripada masyarakat antarabangsa yang tidak tahu apa sebenarnya yang dilakukannya.

"Saya percaya ada pihak yang mengambil kesempatan untuk menimbulkan huru-hara di Malaysia dan memecahkan perpaduan Umno bagi kepentingan politik mereka.

"Jika berlaku rusuhan dan melarat seperti di Indonesia di mana rumah dan kedai dipecahkan dan sebagainya, dan (akhirnya) kerajaan terpaksa disingkir seperti yang berlaku kepada Suharto (bekas Presiden) dan perbicaraan tidak dapat dijalankan sama sekali.

"Inilah rancangan Anwar bagi mengelak daripada dibicarakan. Berikutan itu, polis kini berhati-hati untuk menjalankan kekerasan kecuali tidak dapat dielak," katanya.

Beliau tidak memanggil media asing pada sidang akhbar itu kerana laporan mereka tidak pernah berasaskan kebenaran.

Dr Mahathir berkata, pagi semalam ketika beliau menghadiri satu persidangan antarabangsa di sini, ramai perwakilan asing termasuk dari Amerika Syarikat memberitahunya yang mereka hampir membatalkan kedatangan ke sini kerana laporan berlaku rusuhan.

Bagaimanapun, kata beliau, mereka terkejut apabila mendapati keadaan yang aman di Malaysia dan tidak ada rusuhan besar seperti yang dihebohkan media asing. Keadaan yang serupa berlaku ketika kedatangan peserta Sukan Komanwel '98 yang lalu.

Menurutnya, media asing langsung tidak boleh dipercayai. Apabila berlaku

sedikit rusuhan, mereka menayangkannya sepanjang hari dan kita tidak boleh mengharapkan sebarang keadilan daripada mereka.

Di samping itu, kata Perdana Menteri, media asing juga cuba mendapatkan simpati dunia untuk Anwar dengan menyamakan isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail seperti pemimpin pembangkang di Myanmar, Aung San Suu Kyi.

Dr Mahathir berkata beliau berasa amat sedih kerana Anwar telah melakukan perbuatan yang amat berdosa sebagai seorang umat Islam.

"Selama ini dia telah menipu bukan sahaja saya tetapi rakyat dengan menggambarkan dirinya sebagai seorang yang warak tapi sebenarnya sepanjang masa dia melakukan perbuatan yang amat keji daripada pandangan Islam dan masyarakat lain pun," katanya.

Dr Mahathir juga kesal kerana ada orang Islam yang kononnya berpegang kuat kepada Islam sanggup mempertahankan orang seperti Anwar hingga melakukan pembohongan di masjid, termasuk kononnya (Menteri Pendidikan) Datuk Seri Najib (Tun Razak) sudah meletak jawatan.

"Ini satu pembohongan. Datuk Najib telah membuat kenyataan bahawa itu tidak benar. Ini adalah satu kekotoran yang dilakukan terhadap masjid, tempat kita beribadat," katanya.

(END)